



Headline: Pekerja am rugi RM15,000 ditipu
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 8 August 2018

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 13

Pekerja am rugi RM15,000 ditipu

KUANTAN: Seorang pekerja am mendakwa kerugian RM15,000 selepas diperdayakan oleh sebuah syarikat pinjaman wang tidak wujud, tiga kali ganda daripada nilai wang yang mahu dipinjamnya, menurut polis.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang Supt Mohd Wazir Mohd Yusuf berkata wanita berumur 24 tahun itu mendakwa mahu meminjam RM5,000 daripada 'syarikat' berkenaan selepas dihubungi seorang lelaki bagi memaklumkan kelayakan pinjaman pada 31 Julai lalu.

"Pada asalnya, mangsa mahu meminjam RM3,000 namun dimaklumkan pakej itu telah habis menyebabkan dia menukar ke pakej pinjaman RM5,000 dengan bayaran bulanan sebanyak RM161 bagi tempoh tiga tahun," katanya. — Bernama